dalam meningkatkan tahap ekonomi ummah (Patmawati,2007) dan Abdul Rahman Ngateman (2015) melakukan kajian mengenai kesedaran membayar zakat perniagaan terhadap koperasi di Selangor. Kajian-kajian tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kewajipan berzakat agar jumlah kutipan zakat dapat dipertingkatkan seterusnya menambahbaikkan aspek kualiti hidup asnaf zakat terutamanya golongan fakir dan miskin dengan meningkatkan agihan zakat serta menyediakan pelbagai bantuan kepada mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan dua pendekatan yang berbeza untuk mengumpul data iaitu melalui data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh daripada temuduga secara bersemuka dengan seorang pensyarah iaitu Dr Muhammad Ikhlas bin Rosele, pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya. Temubual ini dijalankan pada 6 April 2018, jam 3.00 petang di Bangunan Blok C, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya. Kaedah temubual ini digunakan bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai penerangan berkaitan hukum-hukum fiqh dan kewajipan dalam Zakat Perniagaan terutamanya berkaitan dengan isu pemilikan dalam sesebuah organisasi.

Kaedah ini juga menghasilkan data primer yang tidak boleh diragui kesahihannya kerana informan yang ditemubual merupakan seorang pensyarah yang banyak hasil kajiannya dan artikel terbitan adalah berkaitan dengan hukum, isu pemilikan berkaitan zakat terutamanya berkaitan zakat perniagaan. Hasil temubual berdurasi 22 minit dianalisis bagi mendapatkan maklumat-maklumat penting yang akan dijadikan sebagai dapatan kajian. Selain itu, kaedah pengumpulan data juga disokong oleh kaedah-kaedah lain bagi mendapatkan maklumat tambahan serta mengukuhkan lagi kajian ini. Selain itu, dua (2) buah koperasi turut dijadikan sampel temubual untuk mendapatkan maklumat. Koperasi AAA adalah sebuah koperasi yang membayar zakat dan koperasi BBB adalah sebuah koperasi yang tidak membayar zakat. Koperasi AAA telah membayar zakat kepada MAIWP dan koperasi terbabit juga mengamalkan konsep wakalah dimana koperasi tersebut separuh dari zakat kepada MAIWP dan separuh lagi digunakan sebagai dana untuk anggota koperasi seperti khairat kematian anggota, hadiah anak cemerlang dalam pelajaran dalam UPSR, PT3, SPM dan STPM. Manakala Koperasi BBB adalah sebuah koperasi yang tidak membayar zakat secara konsisten dimana ada tahun tersebut koperasi membayar dan ada tahun tidak membayar. Seterusnya data sekunder ialah data yang dikumpul dari sumber tersedia. Bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan, kaedah pengumpulan data dan maklumat melalui dokumen bertulis seperti artikel jurnal, kerta kerja, kertas prosiding, laporan tahunan dan sebagainya. Sumber-sumber ini digunakan untuk menganalisis sorotan kajian lepas dan juga maklumat berkaitan institusi-institusi berkenaan.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian yang dilakukan ke atas dua (2) buah koperasi iaitu koperasi AAA dan koperasi BBB mendapati terdapat dua (2) perkara utama untuk dibincangkan selaras dengan objektif kajian iaitu mengkaji konsep pemilikan dalam amalan zakat koperasi dan mengkaji amalan pembayaran zakat perniagaan oleh koperasi di W.P Kuala Lumpur. Kajian ini untuk mengkaji konsep pemilikan dalam amalan zakat koperasi dengan membincangkan mengenai isu pemilikan dalam zakat *syakhsyiyah al-i'tibariyyah* dan isu pemilikan dalam hubungan koperasi dengan pihak berkepentingan. Mengkaji amalan pembayaran zakat perniagaan oleh koperasi di W.P Kuala Lumpur adalah berkaitan dengan faktor-faktor yang menjadi kekangan dalam pihak koperasi melaksanakan tanggungjawab sebagai pembayar zakat perniagaan.

1. MENKKAJI KONSEP PEMILIKAN DALAM AMALAN ZAKAT KOPERASI

Zakat merupakan rukun ketiga (3) dari lima (5) rukun Islam dan ia juga merupakan salah satu diantara panji-panji Islam di mana Islam tidak boleh ditegakkan tanpanya. Dalil-dalil dan ijmak bersepakat bahawa zakat adalah wajib dikeluarkan. Pada 9 Disember 1992 di Kuala Lumpur, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-3 telah memutuskan iaitu syarikat perniagaan diwajibkan zakat. Antaranya Keputusan fatwa tersebut ialah syarikat perniagaan diwajibkan zakat apabila mencukupi syarat-syarat seperti perniagaan yang dimiliki oleh seorang Islam, perniagaan yang dimiliki oleh seorang Islam yang merdeka, sempurna milik, cukup nisab, cukup haul (genap setahun qamariah), kadar zakat ke atas syarikat 2.5% dan syarikat yang dimiliki bersama antara orang Islam dan bukan Islam, maka wajib ke atas jumlah saham yang dimiliki oleh orang Islam sahaja berdasarkan pendapatan bersih yang diperolehi

Di Malaysia, semua syarikat tertakluk dibawah Akta Syarikat 1965 dan manakala koperasi di bawah Akta koperasi 1993. Jenis-Jenis syarikat dibawah Akta ini terbahagi kepada tiga iaitu syarikat berhad menurut saham (koperasi juga tergolong di dalam ini), syarikat tidak berhad, dan syarikat menurut jaminan. Setiap koperasi di Malaysia mempunyai undang-undang kecil di mana setiap perubahan dalam undang-undang kecil perlu mendapat kelulusan daripada perwakilan yang dilantik dikalangan anggota koperasi dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Para Ulama telah sepakat dalam keputusannya menyatakan syarikat-syarikat perniagaan wajib mengeluarkan zakat perniagaan. Pendapat tersebut adalah berdasarkan firman Allah SWT di Jadual 5 iaitu Surah al-Baqarah, ayat 267 dan *Surah Al-Nur 24:3*. Jadual 5 juga menunjukkan terdapat dua (2) hadis Rasulullah SAW. Berdasarkan hadis tersebut, boleh ditaksirkan bahawa beberapa individu yang berada dalam satu syarikat atau berkumpulan maka dianggap satu tanpa dipisahkan antara satu sama lain. Bila sesebuah koperasi ditubuhkan dengan niat untuk menjalankan perniagaan sama ada dalam sektor perkhidmatan ataupun pengeluaran. Maka koperasi tersebut dianggap sebagai koperasi yang berlandaskan perniagaan yang wajib dikenakan zakat perniagaan. Kadar yang dikenakan adalah 2.5% daripada pendapatan bersih.

Terdapat hujah lain yang boleh menjadi asas kepada pembayaran zakat ke atas koperasi iaitu mengangap koperasi sebagai *syakhsyiyah al-i'tibariyyah*. Muhammad Ikhlas Rosele (2015) menyatakan *syakhsyiyah al-i'tibariyyah* ialah satu kumpulan manusia yang bersatu dalam menuju objektif tertentu, atau kumpulan harta yang diuruskan untuk tujuan tertentu, yang mana terlepas daripadanya perundangan individu, dan ia menjadi satu entiti yang saling memberi sumbangan dalam aktiviti dan perkara yang memberi maafaat kepada mereka. Disebabkan itu, setiap hak dan kewajipan terpakai atas *syakhsyiyah al-i'tibariyyah* yang terdiri didalamnya individu-individu yang membangunkannya. Dalam erti kata lain memberi sifat *ahliyyah al-qanuniyyah* (kecuali apa yang telah khusus kepada manusia) kepada syarikat. Manakala bebanya adalah berbeza dengan *ahliyyah al-syuraka* (kelayakan orang yang berkongsi) dimana bagi syarikat ia mempunyai beban tanggungan harta yang khusus. Dalam erti kata lain, koperasi mempunyai kapasiti bertindak seperti manusia. Paizah (2001) *syakhsyiyah al-i'tibariyyah* mempunyai kelayakan untuk memiliki hak untuk menjalankan transaksi. Jika dilihat pembayaran zakat juga secara asasnya adalah suatu transaksi. Kesimpulan disini, hokum membayar zakat atas *syakhsyiyah al-i'tibariyyah* adalah sama hukumnya dengan *syakhsyiyah al-tabi'iyah* iaitu wajib. Koperasi di Malaysia adalah merupakan *syakhsyiyah al-i'tibariyyah*, kerana itu wajib bagi koperasi-koperasi tersebut membayar zakat.

Di antara hikmat disyariatkan zakat ialah pengurusan zakat yang sistematik mampu membaiki kedudukan masyarakat dari segi moral dan taraf hidup. Ia dapat mengelakan daripada orang tidak berkemampuan melakukan sebarang jenayah hanya untuk sara hidup. Zakat dapat membersihkan jiwa dari sifat kedekut dan bakhil. Ia melatih seseorang mukmin menjadi dermawan dan belas kasihan terhadap orang lain yang kurang berkemampuan. Terdapat dua (2) firman Allah SWT yang menyatakan syariatkan zakat di Surah Al-Imran Ayat 180 dan Surah Al-A'raaf, Ayat 156.

Selain itu, kajian yang dilakukan dalam aspek mengkaji konsep pemilikan lebih menjurus kepada isu *syakhsyiyah al-i'tibariyyah* dan isu pemilikan dalam hubungan antara koperasi dengan pihak berkepentingan. Yang pertama (1) iaitu Isu Pemilikan dalam Zakat *Syakhsyiyah al-i'tibariyyah* dimana perbincangan zakat *syakhsyiyah al-i'tibariyyah* mempunyai kaitan dengan teori pemilikan (ownership) iaitu dengan persoalan "adakah koperasi mempunyai pemilikan penuh terhadap hartanya?" Golongan ulama telah melihat konsep pemilikan sempurna dalam pemilikan tidak sempurna berdasarkan pemisahan harta dengan manfaat. Ini bermakna pemilikan sempurna adalah yang memiliki harta berserta dengan manfaat dan pemilikan tidak sempurna adalah yang memiliki salah satu daripada keduanya. Sedangkan golongan ilmuan moden melihat pemilikan sebagai hak-hak yang mana boleh diagihkan kepada kumpulan manusia ataupun entiti korporat seperti koperasi.

Seperti yang diketahui pemilikan sempurna dalam zakat mempunyai pelbagai pendapat dan pandangan yang berbeza-beza. Terdapat golongan yang menyatakan milik penuh bermaksud kekayaan itu berada di bawah pengawasan dan kuasanya. Al-Kasani (2003) menyatakan ada sebahagian lain yang mensyaratkan kekayaan tersebut harus berada ditangannya yang mana tidak bersangkutan dengan hak yang lain. Pembezaan kefahaman pemilikan sempurna mendatangkan kesan yang berbeza dalam pembayaran zakat. Contohnya, jumhur ulama (selain golongan Hanafiyyah) mewajibkan zakat ke atas harta wakaf yang diwakafkan kepada orang tertentu sedangkan orang yang mendapat harta wakaf itu tidak mempunyai milikan yang sempurna ke atas harta tersebut. Berdasarkan itu, pemilikan sempurna boleh dikatakan cukup sekadar mempunyai kekuasaan dan pengawasan terhadap harta. Keadaan ini wujud dalam koperasi kerana harta-hartanya diuruskan atas nama koperasi. Koperasi (*syakhsyiyah al-i'tibariyyah*) juga mempunyai kapasiti tertentu terhadap harta sebagaimana yang telah dijelaskan. Oleh itu, tidak ada halangan untuk mewajibkan zakat ke atas koperasi jika hartanya memenuhi syarat untuk dizakatkan disebabkan koperasi menepati prinsip *syakhsyiyah al-i'tibariyyah* iaitu entiti yang boleh

memiliki dan mengawal dengan sempurna hartanya melalui milk al-hiyazah dan milk al-tasarruf yang menghalang pihak lain dari mencabuli hartanya S(LZS,2007).

Yang kedua (2) ialah Isu Pemilikan dalam Hubungan Koperasi dengan Pihak Berkepentingan dimana di dalam amalan koperasi mahupun syarikat di Malaysia, pihak koperasi membayar zakat bagi pihak pemegang saham. Mohamad Zaki (2014) telah menyatakan bahawa persoalan mengenai *syakhsyiyah al-i'tibariyyah* masih lagi berbangkit, kerana koperasi mempunyai kapasiti sendiri untuk membayar zakat bagi pihak orang lain. Oleh kerana konsep *syakhsyiyah al-i'tibariyyah* diterima maka tidak menjadi satu (1) masalah jika koperasi bertindak membayar zakat bagi pihak orang lain. Selain itu, perlu diperincikan hubungan antara koperasi dengan pemegang saham dalam pembayaran zakat oleh koperasi. Syahatah (1998) telah menyatakan bahawa harta koperasi dan harta pemegang saham dizakatkan berasaskan prinsip mencampurkan harta zakat (zakat al-khultah) dan pembayaran tersebut diandaikan dibawah pemilikan yang satu.

Di bawah prinsip ini, semua harta tersebut dicampurkan tanpa melihat nisab setiap pemilik saham tersebut cukup atau tidak sebagaimana yang disebut dalam Mazhab Syafi'i. Atas alasan tersebut, pemegang saham tidak lagi perlu membayar zakat atas hartanya yang terdapat dalam koperasi. 'Afanah (2007) menyatakan kewajipan zakat tersebut telah dilaksanakan oleh koperasi tersebut. Perlu difahami bahawa kewajipan zakat adalah pada harta tersebut, jika harta tersebut telah dizakatkan maka tidak ada lagi zakat pada harta yang sama. Sedangkan kewajipan individu adalah tanggungjawabnya menunaikan zakat atas harta tersebut. Walaupun hartanya boleh dikeluarkan oleh koperasi sebagai zakat yang membuatkan hartanya bersih (dari kewajipan zakat), sebagai pemilik harta tersebut (pemegang saham) juga perlu berniat untuk mengeluarkan zakat hartanya semasa menyerahkan wang sebagai modal saham kepada koperasi tersebut ataupun ketika zakat diserahkan kepada asnaf.

2. MENGENAI AMALAN PEMBAYARAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH KOPERASI DI W.P KUALA LUMPUR

Terdapat beberapa isu yang penting dalam melonjakkan kutipan zakat perniagaan koperasi di W.P Kuala Lumpur. Antaranya ialah ketiadaan rebat cukai perniagaan, undang-undang kutipan zakat perniagaan yang agak longgar dan isu pemilikan pemegang saham/pihak pengurusan koperasi.

Yang pertama (1) ialah ketiadaan rebat cukai perniagaan, dimana Majlis Agama Islam Negeri telah berusaha sedaya upaya untuk memberkan kesedaran dan maklumat mengenai kewajipan zakat perniagaan, namun impaknya tidaklah begitu besar. Abdul Rahman (2005) menyatakan jika Kerajaan Persekutuan membenarkan syarikat yang membayar zakat perniagaan mendapatkan rebat daripada tanggungan cukai yang dikenakan ke atas syarikat, ini sedikit sebanyak akan meringankan beban kewangan yang akan ditanggung oleh mereka. Dengan wujudnya rebat cukai, maka akan menjadi satu insentif kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh pemilik muslim yang tidak menunaikan zakat perniagaan sebelum ini untuk berbuat demikian. Menurut Akta Cukai Pendapatan 1967, hanya individu sahaja yang layak untuk memohon rebat cukai pendapatan daripada jumlah zakat yang mereka keluarkan. Akta ini tidak sah untuk syarikat dan entiti korporat. Hasil temubual dengan beberapa koperasi di W.P Kuala Lumpur juga menyatakan ketidakmampuan untuk membayar zakat disebabkan bebanan 2 kali. Sekiranya rebat cukai tidak disediakan oleh kerajaan Malaysia, koperasi akan terpaksa tanggung kos yang besar seperti membayar cukai perniagaan dan zakat perniagaan.

Yang kedua (2) ialah undang-undang kutipan zakat perniagaan yang agak longgar iaitu dimana isu ini boleh dilihat dengan jelas dimana ianya membuka ruang yang besar kepada mereka yang enggan melaksanakan bebas begitu sahaja seperti yang berlaku di koperasi BBB. Sanep Ahmad dan Zulkifli (2010) menyatakan walaupun zakat merupakan ibadah yang difardhukan oleh Allah SWT, namun sebilangan besar daripadanya akan lebih terdorong melaksanakannya apabila ia disokong oleh undang-undang. Perkara ini pernah berbangkit pada Majlis Fatwa Kebangsaan dalam muzakarahnya kali 31 pada 9 Disember 1992 menyatakan diwajibkan zakat ke atas syarikat perniagaan yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Akhir sekali ialah isu pemilikan pemegang saham/pihak pengurusan koperasi. Kamil (2002) menyatakan analisis melalui sumber data yang diperoleh dan hasil maklumat daripada temuduga dengan Anggota Lembaga Koperasi menunjukkan faktor dalaman dan luaran memainkan peranan penting bagi memahami kesedaran koperasi untuk membayar zakat perniagaan. Faktor dalaman seperti sikap dan nilai moral, manakala faktor luaran seperti undang-undang dan penguatkuasaan adalah faktor-faktor yang memberi kesan kepada kesedaran koperasi untuk membayar zakat perniagaan. Hasil daripada temubual yang dijalankan ke atas Koperasi AAA dan koperasi BBB mendapati bahawa keputusan untuk melaksanakan tanggungjawab pembayaran zakat adalah terletak pada ahli lembaga pengarah koperasi itu sendiri. Pada kebiasaannya, bilangan ahli lembaga koperasi bagi sesebuah koperasi adalah daripada Sembilan (9) sehingga dua belas (12) orang dimana setiap tahun akan

berlakunya pilihanraya iaitu mengundi untuk mengekalkan ahli lembaga pengarah yang sedia ada atau mengantikannya dengan ahli lembaga baru yang terdiri daripada anggota-anggota koperasi itu sendiri. Apabila berlakunya perubahan pucuk kepimpinan koperasi, maka setiap tahun keputusan akan berbeza-beza disebabkan perbezaan pendapat. Dari hasil kajian yang dilakukan ke atas koperasi BBB, didapati terdapat dua belas (12) orang ahli lembaga terdiri daripada sepuluh (10) orang beragama Islam dan dua (2) orang bukan Islam. Kalau mengikut undian, maka boleh membayar zakat perniagaan namun didalam golongan Islam itu sendiri mempunyai perbezaan pendapat. Oleh demikian, keputusan akhir adalah tidak membayar zakat hanya disebabkan sesetengah daripadanya berpendapat bahawa koperasi akan menanggung kos yang besar jika cukai dan zakat dibayar tanpa ada rebat khas daripada zakat itu sendiri.

Selain itu Dr Muhammad Ikhlas Rosele (2018) didalam temubualnya telah menyatakan sekiranya pihak koperasi tidak mahu membayar zakat maka pihak koperasi tersebut mestilah memaklumkan kepada anggota-anggotanya bahawa dividen yang mereka dapat masih belum ditolak zakat. Maka demikian, anggota-anggota koperasi tersebut hendaklah mengistiharkan dividen yang mereka kepada pejabat zakat secara peribadi walaupun anggota tersebut tidak bersetuju dengan proses tersebut. Namun, setelah pihak koperasi melaporkannya kepada anggota, maka tanggungjawab koperasi adalah terlepas daripada dosa tidak membayar zakat dan terpulang pada anggota sama ada hendak membayar ataupun tidak. Oleh itu, Dr Muhammad Ikhlas Rosele (2018) juga telah menerangkan bahawa lebih mudah pihak koperasi untuk membayarnya sendiri agar dapat memudahkan anggotanya dalam menerima dividen yang bersih dari riba.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian telah mendapati bahawa koperasi di Malaysia masih di tahap yang rendah dalam urusan membayar zakat perniagaan. Mengikut data perangkaan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga 31 Disember 2017 jumlah koperasi yang berdaftar di seluruh Malaysia adalah sebanyak 13,899 buah, manakala di Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja sehingga 31 Disember 2016 jumlah koperasi yang berdaftar adalah sebanyak 1,007 buah koperasi. Negeri W.P Kuala Lumpur merupakan negeri yang ke ketujuh (7) tertinggi daripada empat belas (14 buah) negeri dari segi bilangan koperasi berdaftar jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Walau bagaimanapun bilangan koperasi yang membayar zakat perniagaan masih di tahap yang rendah. Sehubungan itu, adalah diharapkan lebih banyak koperasi akan menjelaskan zakat perniagaan selepas ini seiring dengan peralihan ANGKASA sebagai wakil kutipan zakat perniagaan koperasi oleh PPZ Kuala Lumpur.

Melalui perhatian yang dilakukan ke atas beberapa ahli lembaga koperasi yang mentadbir dan menguruskan koperasi BBB, kajian mendapati bahawa kurangnya keimanan dan pengetahuan agama dalam aspek zakat perniagaan koperasi telah menjadikannya sebagai faktor utama koperasi-koperasi di sekitar W.P Kuala Lumpur masih banyak yang tidak menunaikan tanggungjawab sebagai pembayar zakat. Faktor lain, tidak ada undang-undang yang kuat untuk memaksa golongan koperasi untuk membayar zakat.

Selain itu, pihak kerajaan perlu menyemak semula semua polisi yang melibatkan rebat cukai kepada syarikat dan koperasi. Dengan ketiadaan rebat cukai untuk zakat perniagaan, akan menyebabkan sebahagian besar entiti perniagaan akan mengelak untuk membayar zakat perniagaan. Ini kerana, syarikat dan koperasi terbabit akan menganggapnya sebagai cukai berganda sekiranya cukai perlu dibayar dan zakat juga perlu dibayar. Selain itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri juga perlulah mengeluarkan fatwa yang bersifat menyeluruh dan jelas serta diwartakan mengenai kewajipan membayar zakat perniagaan. Zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut. Sekiranya kutipan zakat dapat dikutip secara optimum, sudah tentu ia akan dapat menyelesaikan banyak masalah seperti membasmi kemiskinan, mengurangkan kadar jenayah, memangkin pembangunan modal insan serta mengangkat kedudukan ekonomi umat islam. Hasil agihan boleh dilihat pada program-program yang dianjurkan oleh MAIWP secara langsung dan tidak langsung sepanjang tahun 2017 dimana secara langsung menfokuskan pada dua puluh lapan (28) skim bantuan zakat dibawah lima (5) tajuk besar iaitu pembangunan pendidikan, asnaf, tempat tinggal, berdikari dan pembangunan ummah demi meningkatkan ekonomi golongan-golongan yang memerlukan.

Selain itu, untuk menggalakan koperasi membayar zakat perniagaan. Pihak MAIWP perlulah memberi penerangan dan memberi peluang kepada semua koperasi yang inginkan mengagihkan sendiri zakat perniagaan menggunakan konsep wakalah agar tidak berlakunya situasi di koperasi BBB walaupun pihak ANGKASA telah mengeluarkan jadual pengiraan zakat namun masih enggan membayar zakat. Dengan menggunakan konsep ini, pihak koperasi boleh membayar separuh daripada zakatnya kepada program-program seperti yang diamalkan oleh koperasi AAA iaitu memberi bantuan khairat kematian, bantuan anak-anak anggota yang cemerlang dari

segi akademiknya. Ini dapat menarik minat anggota-anggota koperasi untuk membuat keputusan di samping mengundi di dalam mesyuarat agung tahunan untuk memaksa pihak Ahli lembaga koperasi untuk membayar zakat perniagaan.

KESIMPULAN

Kajian dalam artikel ini cuba untuk menjelaskan isu pemilikan dalam pembayaran zakat koperasi dan isu yang menjadi halangan kepada koperasi untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pembayar zakat. Kajian ini menyimpulkan bahawa koperasi merupakan *syakhsyiyah al-i'tibariyyah* yang mempunyai kapasiti pemilikan harta yang tersendiri. Selain itu, kajian ini mendapati zakat perniagaan koperasi masih ditahap agak sederhana. Walaubagaimanapun, operasi di Malaysia dalam proses perubahan yang agak positif dimana terdapat peningkatan bilangan koperasi yang bayar melalui amil yang dilantik iaitu ANGKASA. Ini kerana telah wujud kesedaran dikalangan ahli-ahli lembaga pengarah koperasi itu sendiri. Walaubagaimanapun, diharap pihak ANGKASA dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia dapat memainkan peranan penting untuk meningkatkan lagi kesedaran dan bilangan koperasi di Malaysia dalam menunaikan tanggungjawab sebagai pembayar zakat dengan mengadakan pemantauan di setiap koperasi dan memberi penerangan kepada ahli-ahli lembaga pengarah koperasi agar dapat lebih memahami mengenai kepentingan membayar zakat perniagaan. Dengan kutipan zakat yang banyak maka Majlis Agama Negeri akan lebih mampu untuk membantu golongan asnaf di Malaysia dan mempertingkatkan taraf ekonomi umat Islam secara umumnya.

RUJUKAN

- Abdul Muhaimin, M. (2009). Tuntutan Agama Dalam Membuat Perancangan Harta. In Seminar Perancangan Harta Individu dan Harta Syarikat Islam (pp. 1–30). Hotel Flamingo Ampang
- Abdul Rahim, Abdul Rahman (2005). “Menangani Cabaran Semasa Institusi Zakat”. Isu-isu Kontemporari Zakat di Malaysia. Bil. 1. Melaka: Institut Kajian Zakat Malaysia
- Abdul Rahman Ngateman (2015). Kesedaran membayar zakat perniagaan: Kajian terhadap insitutsi koperasi di Selangor. The Malaysian National Economic Conference (PERKEM)
- Afanah, Hisam al-Din (2007). Yas’ al-unak ‘an al-Zakat. Baitul Maqdis : Lajnah Zakat al-Quds,
- Al-Kasani, Abu Bakar bin Mas,, ud (2003) Badai‘ al-Sanai‘ fi Tartib al-Syarai, Bayrut: Dar alKutu al-Ilmiyyah.
- Al-Quran, Surah Al-A’raaf, Ayat 156: Terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Diperolehi pada 3 Jun 2018 daripada <http://www.islam.gov.my/e-jakim/e-quran/terjemahan-al-quran>
- Al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 267: Terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Diperolehi pada 3 Jun 2018 daripada <http://www.islam.gov.my/e-jakim/e-quran/terjemahan-al-quran>
- Al-Quran, Surah Al-Imran Ayat 180: Terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Diperolehi pada 3 Jun 2018 daripada <http://www.islam.gov.my/e-jakim/e-quran/terjemahan-al-quran>
- Al-Quran, Surah Al-Nur 24:37: Terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Diperolehi pada 3 Jun 2018 daripada <http://www.islam.gov.my/e-jakim/e-quran/terjemahan-al-quran>
- Akta Cukai Pendapatan 1967 . Diperolehi pada 5 Jun 2018 daripada http://www.hasil.gov.my/bt_goindex.php?bt_kump=5&bt_skum=5&bt_posi=3&bt_unit=1&bt_sequ=2
- Akta Koperasi 1993 (AKTA 502) & Peraturan-Peraturan sehingga 5 Mei 2016. International Law Book Services.
- Akta Syarikat 2016 (AKTA 777) & Peraturan-Peraturan sehingga 10 Mac 2017. International Law Book Services.
- Baitil Zakat, Hai‘ah Hukumiyyah Mustaqillah Daulah al-Kuwait (2001). Dalil al-Irsyadat li Muhasabat Zakat al-Syarikat. Keputusan dan resolusi Nadwah Kesepuluh dan Kesebelas Bagi Isu-Isu Zakat Semasa.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri (2008). Manual Pengurusan Zakat 2nd Edition. Diperolehi pada 19 Jun 2018 dari http://intranet.jawhar.gov.my/penerbitan/p_admin/file_upload/mp_pengiraan_zakat.pdf
- JAKIM (2012). Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

- Putrajaya. Diperolehi pada 5 Jun 2018 daripada http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/fatwa-kebangsaan JAKIM. Keputusan Muzakarah Jawatan Kuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, diperolehi pada 19 Mac 2018 daripada <http://www.efatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/pembayaran-zakatoleh-tabung-haji>
- Kamil Md. Idris (2002). Faktor Penentu Zakat Ke Atas Pendapatan Penggajian di Negeri Kedah. PHD thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Laporan Interim Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Diperolehi pada 30 Jun 2017 daripada <https://www.skm.gov.my/index.php/my/mengenai-skm/gerakan-koperasi/statistik-gerakan-operasi/statistik-tahunan>
- Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan 2011 sehingga 2017. Diperolehi pada 2 Julai 2018 daripada <http://www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan/>
- Lembaga Zakat Selangor (MAIS). Panduan Zakat Perniagaan. Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor, 2007.
- Mohd Ikhlas Rosele & Luqman (2015). Zakat atas syarikat di Malaysia: Analisis Potensi. Jurnal Intelek (2015) Vol 10(1): 25-32. UITM PERLIS.
- Mohd Ikhlas Rosele & Luqman (2017). Isu Pemilikan dalam Institusi Kewangan Islam. Universiti Malaya.
- Mohamad Zaki, Mohd Zainodin, Mohd Asyadi, Shahrinizam & Nurufatinah (2013). "Isu Kutipan Zakat Perniagaan di Negeri Johor: Kajian di Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ)." Makalah International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society.
- Paizah Hj. Ismail (2001). Al-Fiqh al-Jina'i al-Islami. Academy of Islamic Studies (APIUM): Intel Multimedia and Publication (iMAP).
- Sanep Ahmad & Zulkifli (2010). Model Pematuhan dan Pengelakan Zakat: Satu Tinjauan Teori. 7th International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqaf Economy. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Islam Hadari dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).
- Siti Mashitoh, M. (2007). Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan. In Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan (pp. 1–21).
- Syahatah, Hussayn Hussayn (1998). Muhasabah al-Zakat li al-Masarif al-Islami bayna al-Fikr WA al-Tatbiq. Makalah Nadwah al-Tatbiq al-Mu'asir li al-Zakat: University of al-Azhar.
- Yusuf Qaradawi (2011). Hukum Zakat, Bogor : Pustaka Litera AntarNusa.
- Zahri Hamat (2009). Business Zakat Accounting and Taxation in Malaysia. Conference on Islamic Perspectives on Management and Finance: University of Leicester

JADUAL 1: Jenis-Jenis Perniagaan di Malaysia

Jenis	Penerangan
Perniagaan Persendirian (Tunggal)	Dimiliki oleh seorang pemilik secara persendirian. Modal perniagaan adalah terdiri daripada wang simpanan sendiri dan pinjaman. Sumber kewangan lain ialah sewa beli, pajakan dan kredit perdagangan. Pemilik juga berkuasa penuh ke atas perniagaannya.
Perniagaan Perkongsian	Terdiri daripada lebih dari seorang yang bergabung untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan mendapatkan keuntungan. Modal perniagaan diperolehi daripada sumbangan rakan kongsi. Keuntungan diagihkan mengikut peratusan jumlah modal yang disumbangkan masing-masing.
Perniagaan Syarikat	Adalah entiti yang berdaftar dibawah akta Syarikat 1965. Ianya adalah entiti yang berasingan dengan pemilik. Syarikat adalah terdiri daripada syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad.
Koperasi	merupakan satu bentuk organisasi perniagaan yang dibentuk oleh sekumpulan orang dengan sukarela berasaskan hak-hak yang sama demi kepentingan bersama daripada yuran dan unit-unit saham yang dimiliki oleh anggotanya

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri (2008)

JADUAL 2: Syarat Wajib Zakat Perniagaan

Muslim	Perniagaan yang mempunyai pemilikan bercampur antara Muslim dan bukan Muslim dimana hanya bahagian pemilikan dan kepentingan orang Islam sahaja dikenakan zakat.
Sempurna Milik	Harta yang dikenakan zakat mestilah ada kesempurnaan dari segi pemilikan (hak milik aset) dan keupayaan mengurus (tasarruf) iaitu mempunyai kuasa penuh ke atas harta.
Cukup Nisab	Paras minima yang menentukan sama ada wajib atau tidak sesuatu harta dikeluarkan zakat. Nisab adalah bersamaan dengan nilai 85 gram emas semasa
Cukup Haul	Genap setahun perniagaan. Penilaian harta perniagaan adalah dengan mengambil kira keadaan perniagaan pada akhir haul.
Niat Berniaga	Berniat untuk mendapatkan perolehan dan keuntungan. Dibuktikan dengan amalan. Niat adalah untuk mendapatkan keuntungan, manakala amalan ialah menjalankan perniagaan. Kedua-kedua perkara ini hendaklah wujud bersama.
Barang Perniagaan dan Perkhidmatan yang Halal	Perniagaan yang halal sahaja yang diwajibkan zakat. Semua bentuk perniagaan yang haram, sama ada dari segi zatnya seperti arak dan khinzir ataupun perniagaan perjudian dan riba adalah tidak diwajibkan zakat.
Harta yang Produktif (al-Nama')	Harta yang diwajibkan zakat terdiri daripada harta yang boleh berkembang atau berpotensi untuk berkembang iaitu berupaya untuk menjanakan pendapatan dan keuntungan. Merujuk kepada penyata kewangan, komponen harta yang berkembang ialah tunai (ditangan atau dibank), saham, bon, pegangan sekuriti, inventori barangan akhir (stok niaga), aset tetap (harta alih dan tidak alih), penghutang bersih perdagangan, dan aset bukan semasa (pelaburan jangka panjang).
Harta Perniagaan tidak digunakan untuk kegunaan sendiri	Menurut mazhab Syafi'I, Hanbali dan Maliki, apabila sesuatu harta perniagaan yang dimiliki untuk kegunaan sendiri, maka harta itu tidak tertakluk kepada zakat perniagaan tetapi akan dibuat taksiran zakat atas pendapatan individu.

Sumber: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri (2008)

JADUAL 3: Jadual bilangan koperasi mengikut negeri di Malaysia sehingga 31 Disember 2017

Negeri	Bilangan Koperasi	Bilangan Anggota
Selangor	1,701	552,869
Perak	1,541	344,133
Sabah	1,452	304,619
Johor	1,370	465,519
Pahang	1,106	292,113
Sarawak	1,038	262,607
W.P Kuala Lumpur	1,007	2,863,353
Kedah	956	267,301
Kelantan	845	331,101
Negeri Sembilan	770	181,930
Pulau Pinang	716	233,591
Terengganu	709	234,534
Melaka	481	164,136
Perlis	207	55,791
Jumlah	13,899	6,553,597

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

JADUAL 4: Jumlah Kutipan Zakat Perniagaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 2011 sehingga 2017

Tahun	Jumlah Zakat Perniagaan	Peratus Perubahan
2011	54,879,599.26	63%
2012	74,424,879.13	36%
2013	97,161,344.30	31%
2014	86,168,015.20	-11%
2015	94,121,305.74	9.2%
2016	106,304,269.21	13%
2017	122,142,889.95	15%

Sumber: Pusat Pungutan Zakat (PPZ), MAIWP

JADUAL 5: Jadual mengenai Firman Allah SWT dan Hadis berkaitan hukum zakat perniagaan

Surah al-Baqarah, ayat 267	Wahai orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu)
Surah Al-Nur 24:37	“Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta member zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan
Hadis Rasulullah SAW	<ol style="list-style-type: none"> 1. ...Tidak terhimpun antara yang terpisah dan tidak terpisah antaran yang terhimpun kerana takut bersedekah (zakat) dan orang-orang yang memelihara binatangnya hendaklah berdamai antara keduanya dengan berdasarkan persamaan.... 2. Anas RA meriwayatkan bahawa Abu Bakar RA merupakan baginya apa yang difardhukan oleh Rasulullah SAW: “Dan jika sesuatu harta berkongsi bercampur oleh dua orang, maka keduanya saling mengeluarkan zakat dengan adil (sesuai dengan kadar atau bahagian masing-masing).” (HR Bukhari)
Surah Al-Imran Ayat 180	Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya. Menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan dia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak.
Surah Al-A'raaf, Ayat 156	Dan tetapkanlah untuk kami kebajikan di dunia ini dan di akhirat; sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepada Engkau. Allah berfirman: “Siksa-Ku akan Kutimpakan kepada siapa yang Aku kehendaki dan rahmat-Ku meliputi segala sesuatu. Maka akan Aku tetapkan rahmat-Ku untuk orang-orang yang bertakwa, yang menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat kami.

Sumber: Al-Quran